Hubungan Luar Negara

Penyertaan Bank Negara Malaysia (BNM) dalam forum antarabangsa, serantau dan dua hala pada tahun ini terus tertumpu kepada usaha-usaha menggalakkan kerjasama monetari dan kewangan yang lebih erat dan menggesa masyarakat antarabangsa supaya memberi lebih perhatian kepada pandangan dan kebimbangan mengenai isu-isu global yang memberi kesan kepada negara-negara ekonomi baru muncul.

Perkara ini telah dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat peringkat serantau Menteri-menteri Kewangan Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (AFMM), Forum Bank Pusat Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ACBF), Bank-bank Pusat Asia Tenggara (SEACEN), Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP), Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC), Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) dan Kumpulan 15 (G-15). Mesyuarat peringkat antarabangsa merangkumi mesyuarat yang dianjurkan oleh *Bank for International Settlements* (BIS), Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Bank Dunia dan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO). Tumpuan perbincangan di mesyuarat-mesyuarat berkenaan di sepanjang tahun 2000 adalah terhadap kemajuan dalam penyusunan semula struktur kewangan antarabangsa, inisiatif bagi kerjasama serantau dan isu-isu pemantauan serantau dan global.

Pada tahun 2000, penyusunan semula struktur kewangan antarabangsa (IFA) terus tertumpu kepada langkah-langkah yang diambil oleh pihak berkuasa kebangsaan untuk meningkatkan ketelusan dan pengurusan risiko. Malaysia menyuarakan kebimbangannya terhadap kurangnya kemajuan dalam usaha yang sama oleh pihak swasta, di samping menekankan keperluan terhadap satu mekanisme global untuk memantau dan mengurus aliran modal.

Perbincangan mengenai pemantauan serantau di sepanjang tahun 2000 dan pada awal tahun 2001 tertumpu kepada isu-isu kadar pertukaran asing serta penyusunan semula sektor perbankan dan sektor korporat. BNM terus memberi penekanan kepada pertukaran maklumat dan kerjasama di kalangan bank pusat dalam hubungan dua halanya pada tahun 2000. BNM juga telah bergiat secara aktif dalam mempromosikan Peraturan Pembayaran Dua Hala (BPA) dengan beberapa buah negara dalam usaha mempergiatkan perdagangan dengan Negara Selatan-Selatan dan mempelbagaikan profil rakan dagang Malaysia. Pada tahun 2000, BNM telah mencatatkan satu peningkatan yang nyata dalam jumlah pelawat daripada bank pusat lain, termasuklah mereka yang datang untuk program lawatan kerja. Program latihan yang ditawarkan kepada bank pusat lain juga meningkat dengan ketara.

Penyusunan Semula Struktur Kewangan Antarabangsa

Penyusunan semula struktur kewangan antarabangsa (IFA) terus menjadi isu penting dalam agenda forum serantau dan antarabangsa di sepanjang tahun 2000. Penyertaan BNM adalah menjurus kepada menekankan pentingnya masyarakat antarabangsa meneruskan usaha menyusun semula IFA. BNM menyuarakan kebimbangannya dalam pelbagai forum, termasuklah di forum anjuran IMF, APEC, ASEM dan G-15 mengenai risiko sikap mudah berpuas hati di kalangan masyarakat antarabangsa terhadap usaha penyusunan semula IFA, ekoran daripada pemulihan ekonomi yang semakin mantap di negara Asia yang dilanda krisis dan kewujudan semula suasana ekonomi global yang lebih positif. Kebimbangan turut dilahirkan terhadap kelembapan dalam memperkembangkan langkah-langkah untuk menggalakkan sektor swasta supaya lebih telus.

Penekanan oleh IMF, Bank Dunia, Forum Kestabilan Kewangan (FSF) dan forum

Pasukan Petugas Forum Kestabilan Kewangan (FSF) mengenai Perlaksanaan Piawaian

- Pasukan Petugas ditubuhkan pada 15 September 1999 dengan objektif-objektif berikut:
  - Meneliti isu-isu penting; dan
  - Mempertimbangkan satu strategi untuk menggalakkan perlaksanaan piawaian yang dikenalpasti untuk sistem kewangan yang mantap.

- Satu laporan telah dikemukakan kepada FSF yang bermesyuarat di Singapura pada 25-26 Mac 2000. Isu-isu yang diperbincangkan termasuklah perkara-perkara berikut:
  - Isu-isu utama untuk menggalakkan perlaksanaan piawaian, seperti menggalakkan komitmen negara, menyalurkan insentif pasaran dan insentif rasmi serta memobilisasikan sumber menerusi penggiatan perkongsian.
  - Satu strategi lima peringkat telah dibentuk untuk:
    i. Mengenal pasti dan mencapai kesepakatan antarabangsa terhadap 12 piawaian utama;
    ii. Menyusun keutamaan piawaian untuk perlaksanaan;
    iii. Membentuk dan melaksanakan satu pelan bertindak untuk melaksanakan piawaian;
    iv. Menilai kemajuan pematuhan piawaian; dan
    v. Menyebarkan maklumat mengenai kemajuan pematuhan piawaian.

- Dalam menangani isu-isu utama yang dikenal pasti di atas, FSF telah membentuk Kumpulan Susulan terhadap Insentif bagi Menggalakkan Perlaksanaan Piawaian untuk meneliti isu-isu berkaitan insentif pasaran dan insentif rasmi secara lebih mendalam:

  Insentif Pasaran: meningkatkan kesedaran umum terhadap piawaian yang relevan dan manfaat yang dapat diperoleh daripada pematuhannya. Ini memerlukan kerjasama rapat di antara Institusi-institusi Kewangan Antarabangsa (IFIs) dan badan-badan pembentuk piawaian, yang perlu digalakkan untuk menambah maklumat mengenai pematuhan piawaian serta membentangkan Laporan Pematuhan Piawaian dan Kod (ROSCs).

  Insentif Rasmi: satu pendekatan serampang tiga mata yang menggariskan insentif yang perlu diberi penekanan telah dicadangkan, memandangkan untuk memenuhi kesemua 12 piawaian utama Kompendium Piawaian mungkin terlalu sukar bagi kebanyakan negara. Ini termasuklah insentif yang bertujuan untuk:
  - Menggalakkan negara-negara supaya menerima pakai piawaian dan pelan perlaksanaan yang mempunyai kredibiliti; dan
  - Menggalakkan disiplin pasaran, pematuhan terhadap piawaian yang relevan dan pendedahan penilaian.

antarabangsa lain terus cenderung ke arah usaha menggalakkan pihak berkuasa kebangsaan untuk melaksanakan inisiatif yang dipersetujui untuk mempertingkatkan **ketelusan dan pengurusan risiko** bagi mengurangkan dedahan kepada krisis kewangan. Dalam hal ini, satu perkembangan yang menggalakkan pada tahun 2000 adalah keputusan FSF untuk menubuhkan sebuah kumpulan kerja untuk meneliti isu-isu yang berkaitan dengan insentif pasaran dan insentif rasmi bagi menggalakkan sektor awam dan swasta melaksanakan piawaian antarabangsa. Satu lagi perkembangan pada tahun 2000 adalah penerimaan masyarakat antarabangsa (terutamanya IMF, FSF dan APEC) bahawa perlaksanaan piawaian dan kod antarabangsa harus mengambil kira keupayaan melaksanakan dan keadaan spesifik negara yang terlibat.

Walaupun Malaysia menyedari pentingnya tahap ketelusan yang tinggi, ia berkongsi kebimbangan dengan negara peserta lain dalam Piawaian Penyebaran Data Khas (SDDS) IMF terhadap keperluan data yang terus meningkat. Ini memberikan kesan yang tidak sepadan terhadap sumber yang terhad di negara-negara peserta SDDS. Selain itu, tambahan keperluan data biasanya

menyebabkan penduaan data yang telah sedia ada dalam laman web negara masing-masing. IMF memperakui masalah kekangan sumber yang dialami oleh negara-negara ini dan bersetuju supaya SDDS disemak dari semasa ke semasa. Penilaian juga perlu dibuat ke atas SDDS samada ia berguna kepada para pelabur dan penganalisa.

Pendirian Malaysia mengenai aktiviti **Institusi Berleveraj Tinggi (HLI)** juga telah disuarakan manakala keperluan untuk suatu bentuk pengawalan dan penyeliaan aktiviti HLI telah diberi penekanan dalam usaha mengelakkan kemeruapan yang keterlaluan dalam pasaran kewangan. Isu yang agak membimbangkan adalah jumlah dana yang besar yang tersedia kepada HLI, yang boleh memberi kesan ketidakstabilan yang tinggi terhadap pasaran pertukaran asing dan pasaran modal negara ekonomi baru muncul yang secara perbandingannya adalah kecil. Sedikit kemajuan telah dicapai dari segi permuafakatan antarabangsa mengenai pengawalan tidak langsung ke atas HLI. Pada 22 Februari 2001, bank yang bergiat aktif di pasaran pertukaran asing global telah menerbitkan satu set garis panduan amalan urus niaga yang baik untuk diterima pakai secara sukarela. Ia merupakan tindak balas kepada saranan Kumpulan Kerja FSF mengenai HLI termasuklah langkah-langkah pengawalan pinjaman bank kepada HLI, keperluan ketelusan dan penggunaan kod tingkah laku industri oleh HLI. Ini bertujuan untuk meningkatkan ketelusan dan pendedahan aktiviti HLI di samping mengukuhkan pengurusan risiko dan amalan institusi kewangan apabila berurusan dengan HLI.

Malaysia, walau bagaimanapun, terus menekankan perlunya pengawalan secara langsung ke atas HLI. Keperluan ini telah diiktiraf oleh FSF sewaktu mesyuaratnya di Singapura pada 25-26 Mac 2000. Seterusnya, masyarakat antarabangsa (terutamanya IMF, FSF, APEC dan ASEM) telah memberi pertimbangan terhadap kemungkinan mengadakan pengawalan secara langsung ke atas HLI, sekiranya langkah-langkah pengawalan secara tidak langsung yang dicadangkan terbukti tidak berkesan.

Dalam hal ini, Malaysia telah berulang kali menyatakan pandangannya di pelbagai mesyuarat di sepanjang tahun 2000 mengenai perlunya mekanisme global untuk menyelia dan menguruskan **aliran modal** dalam usaha mewujudkan pasaran kewangan antarabangsa yang berfungsi dengan cekap di samping meminimumkan risiko kemeruapan yang keterlaluan dalam aliran modal antarabangsa. Kemajuan dalam hal ini adalah terhad dan tidak memenuhi saranan yang dikemukakan oleh Malaysia. Sebuah Kumpulan Perundingan Pasaran Modal telah ditubuhkan di IMF untuk memudahkan pemahaman mengenai kedinamikan pasaran modal antarabangsa dan operasi institusi kewangan swasta. Adalah dijangkakan bahawa Kumpulan ini akan menyumbang kepada usaha-usaha untuk memperteguhkan pemantauan IMF dan memudahkan pembentukan dasar yang lebih sesuai ke atas aliran modal. Tambahan lagi, IMF telah mengumumkan keputusannya untuk menubuhkan Jabatan Pasaran Modal Antarabangsa pada 1 Mac 2000. Ianya akan membantu IMF memenuhi peranannya sebagai pusat kompetensi bagi kestabilan sistem kewangan antarabangsa. IMF juga telah mengendalikan satu kajian mengenai "Pemantauan Berfrekuensi Tinggi terhadap Kedudukan dan Urus Niaga dalam Pasaran Pertukaran Asing" untuk meningkatkan kefahamannya mengenai perkembangan di pasaran tersebut. Sesungguhnya, kesimpulan yang dicapai semasa Mesyuarat Tahunan IMF/Bank Dunia pada tahun 2000 ialah perlunya bagi IMF untuk membuat kajian yang lebih mendalam ke atas aliran modal. Malaysia masih meragui manfaat mengadakan lebih banyak kajian tanpa sebarang cadangan yang membina dan konkrit bagi memastikan aliran modal yang stabil di pasaran kewangan. Oleh itu, di peringkat serantau, beberapa inisiatif telah dilancarkan termasuklah pembentukan mekanisme kerjasama serantau bagi memudahkan pertukaran maklumat mengenai aliran modal di kalangan ahli SEACEN, *Reserve Bank of Australia* dan Pihak Berkuasa Kewangan Hong Kong. Pertukaran yang serupa juga dibincangkan di antara ASEAN dengan Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea sebagai sebahagian daripada pemantauan serantau di kalangan negara ini.

Satu lagi perkembangan penting pada tahun 2000 adalah peningkatan dalam kesedaran masyarakat antarabangsa terhadap perlunya

Mesyuarat-mesyuarat IMF Pada Tahun 2000

I. Mesyuarat Jawatankuasa Monetari dan Kewangan Antarabangsa pada tahun 2000
   - 16 April, Washington D.C., Amerika Syarikat
   - 24 September, Prague, Republik Czech

II. Mesyuarat Tahunan Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia, 26-28 September, Prague, Republik Czech

Isu-isu yang Dibincangkan

- **Tinjauan Ekonomi Dunia**
  - Mengambil maklum mengenai pertumbuhan ekonomi global yang semakin kukuh, yang paling tinggi dalam masa 12 tahun.
  - Menyatakan kebimbangan terhadap risiko harga minyak yang tinggi dan paras penilaian ekuiti yang tinggi di rantau G-3.

- **Penyusunan semula IMF**
  - Menggesa IMF dan masyarakat antarabangsa untuk mempergiatkan usaha mengurangkan kerapuhan dan mengelakkan berlakunya krisis.
  - Mengambil maklum keperluan untuk memastikan manfaat perdagangan bebas dan pasaran modal antarabangsa yang lebih bersepadu dinikmati oleh kedua-dua negara perindustrian dan membangun.
  - Mengambil maklum keperluan bagi IMF disusun semula dan bersesuaian menurut persekitaran yang semakin berubah.
  - Mengambil maklum bahawa IMF perlu menumpukan aktivitinya kepada bidang dalam tanggungjawabnya yang utama di samping meneruskan kerjasama dengan agensi-agensi lain untuk mengukuhkan kerjasama dan saling melengkapi.
  - Menyeru supaya syarat-syarat dasar IMF disemak semula untuk memastikan agar ia ditumpukan kepada isu-isu asas, mempertingkatkan keberkesanan program pembiayaan IMF dan mengambil kira keadaan ahli serta keupayaan mereka dalam melaksanakan program IMF.
  - Mengalu-alukan penubuhan pejabat penilaian bebas bagi memperbaiki operasi dan akauntabiliti IMF.
  - Mengambil maklum tugas yang sedang dijalankan oleh kumpulan kajian formula kuota dan menekankan agar kuota perlu mencerminkan perkembangan ekonomi antarabangsa.

- **Ketelusan dan Akauntabiliti**
  - Menyatakan semula perihal pentingnya ketelusan kerajaan dan institusi kewangan antarabangsa yang lebih tinggi.
  - Mengalu-alukan penubuhan pejabat penilaian bebas yang akan melengkapi aktiviti audit dalaman IMF dan aktiviti penilaian dalaman yang sedang dijalankan.

- **Usaha-usaha Mengurangkan Kemiskinan dan Hutang Negara-negara Miskin**
  - Mengalu-alukan peranan IMF yang semakin meningkat di negara-negara miskin dan mengesahkan laporan kemajuan Inisiatif Negara-negara Miskin yang Banyak Berhutang (HIPC) dan Kemudahan Pertumbuhan dan Pengurangan Kemiskinan (PRGF), yang menyatukan usaha-usaha pengurangan kemiskinan sebagai satu unsur penting dalam strategi baru berorientasikan pertumbuhan untuk negara anggota yang berpendapatan rendah.
  - Mengalu-alukan penubuhan Jawatankuasa Perlaksanaan Bersama Bank Dunia/IMF untuk memudahkan perlaksanaan Inisiatif HIPC dan proses strategi mengurangkan kemiskinan.
  - Mengalu-alukan cadangan untuk membolehkan 20 buah negara sampai ke Peringkat Keputusan menjelang akhir tahun 2000 untuk memastikan kelegaan daripada hutang diberikan berdasarkan komitmen padu kepada pertumbuhan dan pengurangan kemiskinan.

- Menggesa negara-negara yang terlibat dalam Inisiatif ini untuk mempercepatkan persiapan Kertas Strategi Pengurangan Kemiskinan (PRSPs), dengan menyatukan langkah-langkah keutamaan bagi penyusunan semula struktural dan pengurangan kemiskinan.
- Menekankan pentingnya penyertaan penuh semua pemiutang dalam Inisiatif HIPC.

- **Penglibatan Sektor Swasta**
  - Mengambil maklum kemajuan dalam pembentukan sebuah rangka kerja bagi melibatkan pemiutang swasta dalam menyelesaikan krisis yang mengimbangi antara kehendak rangka kerja yang jelas untuk memberi panduan kepada jangkaan pasaran dan kehendak fleksibiliti operasi untuk membolehkan tindak balas yang paling cekap dalam setiap kes.
  - Mengambil maklum kepentingan fasal tindakan berkelompok dalam penyelesaian krisis dan keperluan untuk memberi layanan sama rata kepada pemiutang swasta yang berlainan kelas.
  - Mengesahkan pendekatan yang fleksibel yang digunakan oleh masyarakat antarabangsa untuk menangani kes-kes yang berbeza berdasarkan kepada penilaian IMF terhadap keupayaan membayar dan prospek untuk memasuki semula pasaran oleh sesebuah negara.

- **Semakan ke atas Kemudahan IMF**
  - Mengambil maklum penamatan Dana Penstabilan Matawang, Sokongan Kepada Hutang dan Pengurangan Perkhidmatan Hutang Bank Perdagangan, Kemudahan Pembiayaan Stok Penimbal dan bahagian Kemudahan Pembiayaan Ganti Rugi dan Luar Jangka yang membabitkan kemudahan luar jangka.
  - Mengambil maklum pengubahsuaian ke atas Saluran Kredit Luar Jangka (CCL) untuk menjadikannya sebagai satu instrumen yang lebih berkesan dalam mencegah krisis.
  - Mengambil maklum perubahan kepada terma Kemudahan Siap Sedia dan Kemudahan Pembiayaan Tambahan (EFF) bagi mengelakkan pergantungan kepada sumber-sumber IMF bagi jangka masa yang terlalu lama atau dalam bentuk jumlah yang sangat besar. Penggunaan EFF sepatutnya terhad kepada kes-kes di mana pembiayaan kewangan jangka panjang benar-benar diperlukan.

- **Kemajuan Inisiatif di bawah Proses Pemantauan IMF**
  - Mengambil maklum bahawa pemantauan IMF perlu diperkukuhkan lagi untuk mengenal pasti kelemahan dan jangkaan ancaman terhadap kestabilan kewangan.
  - Menyokong analisa kelemahan dalam proses pemantauan.
  - Menggesa IMF supaya memperbaiki pemantauan pelbagai halanya dengan mengambil kira kesan sejagat dasar nasional.
  - Menggesa supaya IMF membuat kerja-kerja lanjutan mengenai peraturan kadar pertukaran, susun atur pembangunan sektor kewangan dan liberalisasi akaun modal, serta pemerhatian dan analisa perkembangan di pasaran modal antarabangsa.
  - Meluluskan keputusan untuk memperluaskan liputan Program Penilaian Sektor Kewangan kepada 24 buah negara pada tahun 2001.
  - Mengambil maklum akan pentingnya bagi negara anggota menyalurkan maklumat dan mematuhi piawaian dan kod IMF.

- **Penjagaan dan Salah Lapor**
  - Mengalu-alukan pemakaian rangka kerja yang diperkukuhkan yang merangkumi langkah-langkah untuk penjagaan penggunaan sumber IMF dan mencegah salah lapor dan salah guna sumber-sumber IMF.

- **Rejim Kadar Pertukaran**
  - Mengambil maklum bahawa tiada satu rejim kadar pertukaran yang sesuai untuk semua negara pada setiap masa.

liberalisasi **transaksi akaun modal** yang teratur. Para peserta mesyuarat IMF, APEC, G-15, ASEM dan ASEAN memperakui kebimbangan Malaysia bahawa liberalisasi akaun modal melibatkan kos selain memberi manfaat, dan bahawa proses ini perlu diatur dengan baik selaras dengan perkembangan rangka kerja sistem kewangan dan pengawalseliaan tempatan. BNM juga menegaskan bahawa negara-negara perlu mempunyai pilihan untuk menggunakan kawalan yang bersesuaian, termasuk kawalan pertukaran asing, bagi menangani risiko kemeruapan aliran modal yang keterlaluan. Dalam tahun 2000, masyarakat antarabangsa (terutamanya IMF, APEC, EMEAP dan Kumpulan Rangka Kerja Manila) semakin sedar mengenai kebaikan kawalan modal walaupun kawalan terhadap kemasukan modal lebih digemari daripada kawalan ke atas aliran keluar modal. BNM akan terus berusaha untuk menggesa masyarakat antarabangsa supaya tidak menghukum negara-negara yang mengenakan kawalan modal walhal langkah-langkah berhemat seperti ini amat perlu untuk mengembalikan kestabilan pasaran kewangan tempatan.

Isu **pilihan rejim kadar pertukaran yang sesuai** terus menjadi fokus perbincangan di forum antarabangsa dan serantau pada tahun 2000. Masyarakat antarabangsa mengakui bahawa tidak ada rejim kadar pertukaran yang universal yang sesuai untuk semua negara pada setiap masa dan negara-negara tidak perlu menghadkan pilihan mereka kepada penyelesaian "dua penjuru" iaitu rejim kadar pertukaran tetap atau rejim kadar pertukaran yang diapung secara bebas. Ini adalah berbeza dengan kenyataan terdahulu, terutamanya dari IMF dan sebilangan negara perindustrian, mengenai kelebihan rejim kadar pertukaran yang lebih fleksibel. Walaupun setiap negara mempunyai hak untuk memilih rejim kadar pertukaran masing-masing, semua negara bersepakat bahawa dasar ekonomi makro dan peraturan institusi perlulah konsisten dengan rejim yang dipilih. Ini adalah penting untuk memastikan rejim yang dipilih dapat bertahan. Pada tahun 2000, masyarakat antarabangsa telah meminta supaya IMF meneruskan kajian mengenai isu kadar pertukaran supaya dapat memberi nasihat yang sesuai kepada negara anggotanya.

Satu dimensi tambahan dalam perdebatan mengenai kadar pertukaran telah diutarakan semasa Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan ASEM pada bulan Januari 2001. Para Menteri berpendapat bahawa penyelesaian dua penjuru iaitu rejim kadar pertukaran apungan bebas dan rejim kadar pertukaran tetap bukanlah penyelesaian semulajadi, memandangkan kedua-dua strategi mempunyai keburukan. Rejim perantaraan seperti peraturan jaluran mungkin lebih sesuai bagi negara ekonomi baru muncul yang inginkan sedikit fleksibiliti di samping mengelakkan turun naik kadar pertukaran yang keterlaluan.

Di samping menyedari akan pentingnya melaksanakan dasar yang selaras dengan rejim kadar pertukaran yang dipilih, BNM juga telah memperjelaskan kebimbangan Malaysia bahawa dasar domestik yang cekap secara sendirinya tidak dapat menjamin kestabilan. Yang paling dibimbangkan adalah kesan limpahan daripada turun naik keterlaluan di kalangan mata wang Kumpulan Tiga (G-3), khususnya dolar AS, Euro dan yen Jepun. Dalam hal ini, BNM telah menegaskan bahawa penyelarasan dasar yang lebih mantap di kalangan negara anggota G-3 adalah perlu untuk mengurangkan risiko pelarasan yang mengejut dan tidak menentu di pasaran pertukaran asing. Pemantauan IMF ke atas G-3 perlu diperkukuhkan, dengan lebih perhatian diberi ke atas kesan sistemik dasar-dasar ekonomi G-3. Dalam hal ini, negara G-3 perlu lebih prihatin terhadap kesan global dasar-dasar mereka dalam menangani isu domestik, terutamanya ke atas negara ekonomi baru muncul dan negara membangun.

Satu lagi isu dalam agenda global pada tahun 2000 adalah **penyusunan semula institusi kewangan antarabangsa (IFI)**. Malaysia kekal dengan pendiriannya bahawa penyusunan semula

Masyarakat antarabangsa menyedari perlunya liberalisasi akaun modal yang teratur dan memperakui bahawa tiada suatu rejim kadar pertukaran yang sesuai bagi semua negara pada setiap masa – pilihan rejim kadar pertukaran patut disokong oleh asas-asas ekonomi makro dan mencerminkan keadaan spesifik sesebuah negara.

Kemudahan Kewangan Terpilih IMF

Saluran Kredit Luar Jangka (CCL)
Tujuan: Untuk menyediakan kemudahan kredit sebagai langkah berjaga-jaga bagi negara anggota yang mempunyai dasar ekonomi yang kukuh yang mungkin menghadapi masalah imbangan pembayaran akibat daripada penularan masalah kewangan antarabangsa.
Kadar faedah: Kadar faedah SDR, termasuk bayaran tambahan sebanyak 150-350 mata asas.
Jadual pembiayaan: Pemberian sebanyak 1/3 daripada jumlah kredit keseluruhan secara automatik, di mana bakinya akan diberi selepas persetujuan untuk melaksanakan program penyesuaian IMF.
Tempoh matang: 1 - 1 1/2 tahun, boleh dilanjutkan sehingga 2 – 2 1/2 tahun.

Kemudahan Rizab Tambahan (SRF)
Tujuan: Bantuan kewangan kepada negara anggota yang menghadapi masalah imbangan pembayaran luar biasa kesan daripada keperluan untuk pembiayaan jangka pendek yang besar akibat kehilangan keyakinan pasaran secara mengejut dan membinasakan.
Kadar faedah: Kadar faedah SDR, termasuk bayaran tambahan sebanyak 300-500 mata asas.
Jadual pembiayaan: Disalurkan pada asas suku tahunan, tertakluk kepada pematuhan terhadap kriteria prestasi dan penyiapan semakan ke atas program.
Tempoh matang: 1 - 1 1/2 tahun, boleh dilanjutkan kepada 2 – 2 1/2 tahun.

Kemudahan Pertumbuhan dan Pengurangan Kemiskinan (PRGF)
Tujuan: Menyediakan bantuan kewangan jangka panjang untuk menyokong program ekonomi makro jangka sederhana dan program pelarasan struktur di negara-negara anggota yang berpendapatan rendah.
Kadar faedah: 0.5% setahun.
Jadual pembiayaan: Pembiayaan selama tiga tahun, tertakluk kepada pematuhan kriteria prestasi dan penyiapan semakan ke atas program.
Tempoh matang: 5 1/2 – 10 tahun.

IFA perlu melibatkan penyusunan semula IMF dan institusi kewangan antarabangsa dan serantau yang lain. Khususnya, IMF perlu mempertingkatkan ketelusan dan akauntabilitinya sendiri, memberikan semula tumpuan kepada fungsi utamanya selain mengelak daripada terlalu mencampuri hal dalam negeri negara anggota. Penyusunan semula juga diperlukan dalam mempertingkatkan keupayaan IMF menyelesaikan masalah, berdasarkan pengajaran yang diperoleh daripada krisis kewangan Asia. IMF perlu mengelak kecenderungan untuk membebani program pinjamannya dengan isu-isu yang tiada kaitan dengan masalah yang dihadapi.

Dalam hal ini, beberapa kemajuan telah dicapai, terutamanya dalam menyelaraskan kemudahan pinjaman IMF serta penubuhan pejabat penilaian bebas untuk memastikan IMF lebih bertanggungjawab ke atas saranan-saranan dasarnya kepada negara anggota. Syarat-syarat pinjaman IMF telah disemak bagi memastikan ianya tertumpu kepada perkara-perkara yang kritikal dan mengambil kira keupayaan sesebuah negara untuk melaksanakannya. Satu kemajuan penting yang dicapai adalah semakan pengubahsuaian ke atas kemudahan Saluran Kredit Luar Jangka (CCL) IMF untuk meningkatkan kebolehgunaan dan keberkesanannya sebagai satu alat untuk mengelak krisis dan seterusnya menghindarkan kesan penularan. Bayaran tambahan ke atas kadar faedah dan yuran komitmen ke atas CCL telah dikurangkan, manakala pengagihan automatik bahagian awalan dana telah dinaikkan kepada satu pertiga daripada keseluruhan pemberian kredit di bawah kemudahan CCL.

Terdapat kata sepakat supaya IMF patut memberi tumpuan kepada tiga isu utama: peraturan kadar pertukaran; susun atur pembangunan sektor kewangan dan liberalisasi akaun modal; serta pemerhatian dan analisa terhadap perkembangan dalam pasaran modal antarabangsa. IMF juga digalakkan supaya meningkatkan usahanya

dalam sektor pasaran kewangan antarabangsa. Khususnya, kakitangan IMF digesa supaya mempertingkatkan pemahaman mereka terhadap kedinamikan pasaran dan aliran modal merentasi sempadan. Penyusunan semula berkenaan adalah selaras dengan seruan para Gabenor IMF dan wawasan Pengarah Urusan IMF yang baru untuk memastikan IMF terus relevan dalam memenuhi keperluan negara anggota dan persekitaran di mana ia beroperasi.

Walaupun perkembangan ini dialu-alukan, penyusunan semula yang lebih komprehensif diperlukan di IMF. Khususnya, IMF perlu lebih bertanggungjawab ke atas dasar yang disarankannya. Ini mungkin boleh dicapai dengan memberi negara-negara Asia hak bersuara yang lebih besar dalam proses membuat keputusan di IMF. Dalam hal ini, satu persetujuan segera terhadap formula baru untuk pengagihan kuota IMF adalah diperlukan untuk lebih mencerminkan perkembangan ekonomi dan sistem kewangan dunia. Khususnya, keperluan yang mendesak adalah dalam memastikan supaya pengagihan kuota IMF kepada ekonomi berasaskan pasaran yang baru muncul mencerminkan perubahan kedudukan mereka dalam ekonomi dunia.

Pada keseluruhannya, beberapa kemajuan telah dicapai dalam mengukuhkan IFA pada tahun 2000. Walaupun demikian, lebih banyak yang perlu dilakukan dan BNM akan terus menekankan keperluan supaya masyarakat antarabangsa meneruskan penyusunan semula IFA untuk memastikan globalisasi dapat memberikan kebaikan kepada semua negara. Tanpa penyusunan semula yang menyeluruh, terutamanya dari segi peraturan antarabangsa ke atas aliran modal, BNM akan mengulangi pendirian Malaysia bahawa semua negara berhak untuk melaksanakan langkah berjaga-jaga yang sesuai, termasuk kawalan modal yang bersifat sementara untuk membendung turun naik yang keterlaluan dalam pergerakan modal merentasi sempadan.

Liberalisasi Sektor Kewangan di Pertubuhan Perdagangan Sedunia

Pada tahun 2000, aktiviti Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) tertumpu terutamanya kepada rundingan berkaitan sektor pertanian dan perkhidmatan. Ini disebabkan Persidangan peringkat Menteri WTO yang Ketiga di Seattle (30 November-3 Disember 1999) tidak mencapai persetujuan untuk melancarkan satu pusingan rundingan perdagangan komprehensif yang baru, berikutan kegagalan ahli WTO untuk mencapai persetujuan mengenai beberapa isu seperti pelaburan, dasar daya saing dan buruh. Berikutan itu, para Pemimpin APEC di Persidangan Kemuncak di Brunei Darussalam pada 12–16 November 2000, bersetuju untuk mempertingkatkan usaha untuk melancarkan pusingan rundingan perdagangan WTO yang baru pada tahun 2001. Pemimpin APEC juga bersetuju dengan saranan Malaysia supaya pusingan baru tersebut dilancarkan hanya apabila persetujuan dicapai mengenai agenda yang seimbang dan meluas yang memberi pertimbangan terhadap isu-isu yang dianggap penting oleh semua ahli WTO.

Pada tahun 2000, satu pusingan rundingan baru perkhidmatan yang dimandatkan telah dimulakan. Walau bagaimanapun, pelancaran satu pusingan rundingan perdagangan yang komprehensif pada tahun 2001 bergantung kepada persetujuan terhadap keseimbangan agenda yang mencerminkan isu-isu yang dianggap penting oleh semua negara anggota.

Pusingan rundingan baru bagi sektor perkhidmatan, yang merupakan mandat Perjanjian Am mengenai Perdagangan Perkhidmatan (GATS), telah dilancarkan secara rasmi pada 25 Februari 2000 oleh Majlis Perdagangan Perkhidmatan WTO. Sebagai penandatangan kepada perjanjian perkhidmatan kewangan dalam GATS, Malaysia adalah bertanggungjawab kepada proses meliberalisasikan sektor perkhidmatan kewangan secara beransur-ansur dan progresif. BNM terlibat secara aktif dalam peringkat "merangka peraturan" rundingan perkhidmatan, terutamanya dalam rundingan menggubal langkah-langkah perlindungan kecemasan *(emergency safeguard*

Rundingan Perkhidmatan yang Baru Dilancarkan

Tidak seperti Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN yang mempunyai tarikh perlaksanaan yang spesifik pada tahun 2003, GATS tidak mempunyai tarikh akhir untuk liberalisasi sektor perkhidmatan. Sebaliknya, GATS memperuntukkan supaya rundingan berkaitan sektor perkhidmatan dikendalikan setiap lima tahun sekali, bermula dari tarikh penguatkuasaan Perjanjian WTO pada tahun 1995. Peruntukan ini adalah bagi membolehkan proses liberalisasi sektor perkhidmatan dilaksanakan secara beransur-ansur dan progresif.

Pusingan rundingan baru sektor perkhidmatan dibahagikan kepada dua peringkat:

- Peringkat "merangka peraturan" di mana ahli-ahli berunding mengenai peraturan baru dan disiplin berkenaan dengan beberapa peruntukan spesifik GATS, termasuk subsidi, perlindungan kecemasan dan perolehan kerajaan. Perbincangan juga tertumpu kepada kaedah dan garis panduan untuk pusingan baru, penjadualan komitmen serta disiplin ke atas pengawalan domestik; dan
- Peringkat "permohonan dan tawaran" di mana ahli-ahli berunding untuk meliberalisasikan lagi sektor perkhidmatan. Walaupun peringkat "permohonan dan tawaran" dijangka dimulakan selepas kerja dalam peringkat "merangka peraturan" selesai, beberapa ahli telah mencadangkan supaya rundingan di peringkat ini dimulakan pada bulan Mac 2001.

measures, "ESMs") bagi sektor perkhidmatan. BNM juga terlibat dalam perbincangan mengenai deraf perjanjian ESMs yang telah disediakan oleh ASEAN, yang menggariskan objektif, prinsip dan unsur peraturan bagi ESMs untuk perdagangan perkhidmatan. Deraf perjanjian mengenai ESMs tersebut telah dikemukakan sebagai kertas kerja berkecuali *(non-paper)* semasa mesyuarat Jawatankuasa Kerja mengenai Peraturan GATS pada 30 November 2000. Disebabkan kerumitan isu berkenaan dengan ESMs, ahli WTO telah bersetuju untuk melanjutkan tarikh akhir bagi menyelesaikan rundingan mengenai ESMs selama 15 bulan kepada 15 Mac 2002.

Kerja-kerja permulaan bagi peringkat "permohonan dan tawaran" rundingan perkhidmatan yang dijadual bermula pada tahun 2001 sedang dilaksanakan. Pada akhir pusingan rundingan perkhidmatan kewangan lalu yang tamat pada bulan Disember 1997, tawaran yang dibuat oleh Malaysia mencerminkan dasar semasa dalam sektor kewangan serta perubahan yang besar dalam sektor insurans dan sektor kewangan luar pesisir. Khususnya, agregat maksimum pemegangan saham rakyat asing dalam sektor insurans telah dinaikkan daripada 30% kepada 51% tertakluk kepada syarat-syarat tertentu, sementara komitmen telah dibuat untuk memberi enam lesen baru bagi insurans semula hayat dan tujuh lesen baru bagi insurans semula am. Di samping itu, seperti yang dipersetujui dalam WTO, Malaysia telah menaikkan had maksimum ekuiti rakyat asing dalam syarikat broker saham dan syarikat pemajakan daripada 30% kepada 49% berkuat kuasa 1 Julai 2000. Tambahan lagi, berkuat kuasa 1 Disember 2000, Malaysia juga telah melaksanakan komitmennya yang terdahulu

Langkah-langkah Perlindungan Kecemasan untuk Sektor Perkhidmatan

Rundingan mengenai ESMs adalah sebahagian daripada mandat yang terkandung dalam Artikel X "Langkah-langkah Perlindungan Kecemasan" GATS.

Tujuan mekanisme perlindungan ini ialah untuk membolehkan ahli WTO melindungi industri perkhidmatan tempatan buat sementara waktu sekiranya komitmen WTO mereka mengakibatkan atau mungkin mengakibatkan kerosakan yang serius terhadap industri tempatan. Ini adalah serupa dengan Perjanjian mengenai Perlindungan dalam sektor barangan.

ESMs yang dijangka boleh diambil termasuklah langkah-langkah untuk menggantung dan/atau mengubahsuaikan komitmen yang telah dibuat dalam jadual komitmen yang spesifik.

untuk menaikkan jumlah maksimum kemudahan kredit yang boleh diperoleh oleh syarikat milik bukan pemastautin daripada institusi perbankan yang dimiliki oleh pihak asing daripada 40% kepada 50%. Tidak seperti beberapa negara Asia yang lain, Malaysia tidak menaikkan had ekuiti rakyat asing dalam sektor perbankan sebagai reaksi kepada krisis di Asia. Malaysia memang sudah mempunyai tahap penyertaan asing dalam sektor perbankan yang agak tinggi berbanding negara Asia yang lain. Terdapat 14 buah bank perdagangan yang mempunyai 100% ekuiti rakyat asing di Malaysia. Secara keseluruhannya, institusi perbankan asing di Malaysia menguasai kira-kira 25% daripada bahagian pasaran sektor perbankan dari segi jumlah aset dan jumlah deposit pada akhir tahun 2000.

Pada peringkat "permohonan dan tawaran" rundingan perkhidmatan yang akan datang, Malaysia dijangka akan menerima banyak permohonan daripada negara lain untuk meliberalisasikan lagi sektor kewangan. Malaysia akan terus dengan dasar meliberalisasikan sektor kewangan secara progresif dengan memastikan bahawa proses liberalisasi akan memberi faedah kepada ekonomi negara dan tidak mengancam kestabilan pasaran kewangan tempatan. Oleh itu, kadar proses liberalisasi sektor perbankan dan insurans adalah bergantung kepada haluan yang telah ditetapkan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan. Strategi yang akan diambil ialah melalui pendekatan liberalisasi secara beransur-ansur dan progresif, selaras dengan keperluan ekonomi negara dan keupayaan infrastruktur yang sedia ada serta rangka kerja pengawalseliaan untuk menerima perubahan dan risiko yang timbul dalam suasana yang lebih liberal. Pada masa ini, usaha tertumpu kepada membangunkan keupayaan bagi memperkukuhkan institusi kewangan tempatan bagi membolehkan mereka menghadapi persaingan yang lebih sengit dalam suasana yang lebih liberal pada masa hadapan. Oleh itu, BNM telah menumpukan usaha terhadap memperkukuhkan rangka kerja pengawalseliaan dan penyeliaan untuk meningkatkan keutuhan dan daya saing sistem kewangan serta meningkatkan pentadbiran korporat dalam sistem perbankan.

Inisiatif Kerjasama Serantau

Kerjasama Kewangan ASEAN

BNM telah mengambil bahagian dalam pelbagai inisiatif penting untuk mengeratkan lagi kerjasama serantau pada tahun 2000. Di peringkat ASEAN, BNM menyelaras usaha penambahan ahli dan pembesaran saiz Peraturan Swap ASEAN (ASA) dengan jayanya, iaitu satu tradisi kerjasama kewangan ASEAN bagi menyediakan bantuan imbangan pembayaran dan mudah tunai sementara untuk ahli-ahli yang memerlukannya. Dalam peranannya sebagai Bank Ejen untuk ASA bagi tahun 2000-2002, BNM memudahkan pencapaian persetujuan bagi menambah keahlian ASA untuk merangkumi kesemua bank pusat dan pihak berkuasa kewangan ASEAN, dan membesarkan saiz ASA kepada AS$1 bilion. ASA yang diperbesarkan ini merupakan satu sumbangan penting ASEAN kepada inisiatif-inisiatif serantau untuk menggalakkan mekanisme bantuan dan sokongan kendiri.

Kerjasama kewangan serantau diperkukuhkan lagi pada tahun 2000. Peraturan Swap ASEAN diperluaskan kepada AS$1 bilion dan perbincangan mengenai rangkaian peraturan swap dua hala ASEAN+3 dimulakan di bawah Inisiatif Chiang Mai.

Pada tahun 2000, satu Pasukan Petugas ACBF telah ditubuhkan untuk menilai kesesuaian, prasyarat dan kelebihan Mata Wang Tunggal dan Mekanisme Pertukaran Asing ASEAN. Walaupun tiada komitmen untuk mengadakan mata wang tunggal untuk ASEAN buat masa ini, kerja awal dalam bidang ini adalah sebahagian daripada program jangka panjang kerjasama kewangan ASEAN. Menteri-menteri Kewangan dan Ketua-ketua Negara ASEAN menganggap bahawa adalah berguna untuk mengenal pasti prasyarat, kos dan faedah mempunyai mata wang tunggal ASEAN. Pemahaman yang lebih mendalam mengenai isu-isu yang berkenaan akan memudahkan perbincangan dan penggunaan langkah-langkah yang bersesuaian di kalangan negara

Mesyuarat Forum Bank Pusat ASEAN Pada Tahun 2000

I. ACBF Ke-6, 22 Mac, Brunei Darussalam
II. ACBF Ke-7, 21 Ogos, Brunei Darussalam

Isu-isu yang Dibincangkan

- Pemantauan Antara Anggota: Dalam keadaan ekonomi di negara-negara ASEAN bertambah baik pada tahun 2000, risiko masih tetap wujud, termasuk harga minyak yang lebih tinggi, susut nilai mata wang serantau, serta perbezaan dalam kepesatan penyusunan semula sektor korporat dan perbankan. Ahli-ahli bertukar pendapat mengenai langkah-langkah yang telah diambil untuk membangunkan pasaran modal dalam negeri yang bertujuan untuk memastikan pasaran kewangan adalah kukuh dan mempunyai tahap mudah tunai yang tinggi, di samping mempelbagaikan punca pembiayaan.

- Kemajuan dan Isu-isu dalam Memenuhi Keperluan Baru Piawaian Penyebaran Data Khas (SDDS) IMF: Ahli-ahli bersetuju bahawa ACBF boleh menjadi forum berguna untuk bertukar maklumat atau mengatasi kebimbangan mengenai keperluan SDDS IMF. Walaupun kebanyakan ahli ACBF, termasuk BNM, telah memenuhi templat baru SDDS berkenaan rizab dan hutang luar, kebimbangan mengenai implikasi keperluan tersebut akan dimaklumkan kepada IMF.

- Kajian Semula Peraturan Swap ASEAN: Ahli-ahli bersetuju bahawa kemudahan tersebut diperbesarkan kepada AS$1 bilion dan keahliannya ditambah untuk merangkumi sepuluh buah bank-bank pusat/pihak berkuasa kewangan ASEAN. Ciri-ciri Peraturan tersebut juga akan diubahsuaikan/disesuaikan untuk mencerminkan persekitaran semasa.

- Peraturan Swap dan Perjanjian Beli-Balik Dua Hala (BSA) ASEAN+3 di bawah Inisiatif Chiang Mai: Ahli-ahli bertukar pendapat mengenai terma dan syarat-syarat BSA ASEAN+3 yang dicadangkan.

- Mata Wang Tunggal dan Mekanisme Pertukaran Asing ASEAN: Ahli-ahli bersetuju untuk menubuhkan sebuah pasukan petugas yang akan dipengerusikan oleh BNM, untuk menjalankan Kajian Kesesuaian Mengenai Mata Wang Tunggal dan Mekanisme Pertukaran Asing ASEAN.

ASEAN yang diperlukan untuk mencapai matlamat jangka panjang ini.

Kerjasama Kewangan ASEAN+3

Satu lagi perkembangan penting dalam kerjasama serantau pada tahun 2000 ialah mesyuarat pertama Menteri-menteri Kewangan ASEAN+3, yang menyediakan forum yang lebih berkesan untuk perbincangan dan kerjasama antara Menteri-menteri Kewangan ASEAN dengan rakan-rakan sejawat dari Republik Rakyat Cina, Jepun dan Republik Korea (negara-negara +3). Penglibatan BNM dalam forum ini menumpukan kepada perkembangan Inisiatif Chiang Mai (CMI), satu rangkaian bantuan kewangan serantau di bawah naungan Proses Menteri-menteri Kewangan ASEAN+3.

CMI telah dilancarkan pada 6 Mei 2000 untuk memperkukuhkan mekanisme bantuan dan sokongan kendiri serantau di Asia Timur sebagai tambahan kepada kemudahan-kemudahan antarabangsa yang sedia ada. CMI mempunyai dua bahagian, iaitu Peraturan Swap ASEAN (ASA) yang diperbesarkan dan rangkaian peraturan Swap dan perjanjian beli-balik dua hala (BSA) antara ASEAN dan Republik Rakyat Cina, Jepun dan Republik Korea.

Matlamat CMI adalah untuk membolehkan negara-negara menggembleng sumber mereka dan menyalurkan bantuan kewangan kepada negara-negara yang memerlukan mudah tunai jangka pendek dan seterusnya mengelakkan kemungkinan berlakunya krisis dan kesan penularan.

Peraturan Swap ASEAN

Latar Belakang
Pada Mesyuarat Jawatankuasa Khas Bank-bank Pusat dan Pihak Berkuasa Kewangan ASEAN yang ke-6 di Kuala Lumpur pada 15 Januari 1977, para Gabenor ASEAN bersetuju untuk menubuhkan Peraturan Swap ASEAN (ASA) bagi menyediakan bantuan mudah tunai jangka pendek tanpa syarat dan serta-merta untuk pembiayaan pertukaran asing yang tidak diduga kepada ahli-ahli yang mengalami masalah mudah tunai sementara.

Pada 5 Ogos 1977 di Kuala Lumpur, Memorandum Persefahaman ASA telah ditandatangani bagi jangka masa setahun sebagai permulaan dengan jumlah kemudahan sebanyak AS$100 juta di antara bank-bank pusat Indonesia, Malaysia, Filipina, Negeri Thai dan Pihak Berkuasa Kewangan Singapura. Jumlah yang disediakan telah ditambah kepada AS$200 juta pada tahun 1978. Untuk menyelaras dan mengurus kemudahan tersebut, ahli-ahli mengambil giliran (menurut susunan abjad) untuk menjadi Bank Ejen.

Semenjak penubuhannya pada tahun 1977, ASA telah diperbaharui sebanyak lapan kali, di antara tahun 1979 dan 2000. Pembaharuan terakhir, Perjanjian Tambahan Kelapan kepada Memorandum Persefahaman ASA, telah ditandatangani pada 27 Januari 2000 untuk jangka masa setahun, sementara menunggu kajian semula yang menyeluruh ke atas kemudahan tersebut dijalankan bagi memastikan ia kekal relevan dengan keperluan para ahli.

ASA yang Diperbaharui
Krisis Kewangan di Asia telah mengetengahkan keperluan untuk mengkaji semula kemudahan tersebut bagi memenuhi keperluan ahli dalam persekitaran kewangan dunia yang telah berubah. Selain daripada perubahan persekitaran kewangan, kajian semula tersebut juga wajar memandangkan keahlian ASEAN telah meningkat kepada sepuluh buah negara Asia Tenggara. Di mesyuarat Ke-7 Forum Bank Pusat ASEAN (ACBF) pada 21 Ogos 2000, kerja telah dimulakan untuk membesarkan saiz kemudahan tersebut kepada AS$1 bilion dan menambah keahlian ASA bagi merangkumi Brunei Darussalam, Kemboja, Lao P.D.R., Myanmar dan Vietnam.

Pada November 2000, bank-bank pusat ASEAN, Pihak Berkuasa Kewangan Singapura dan Kementerian Kewangan Brunei Darussalam menandatangani Memorandum Persefahaman ASA yang baru dan yang diperbesarkan. ASA yang sedang beroperasi adalah berkuat kuasa untuk jangka masa dua tahun, tertakluk kepada pembaharuan dengan persetujuan bersama dari ahli-ahli yang mengambil bahagian. Selaras dengan ini, tempoh jawatan Bank Ejen yang dilantik telah dilanjutkan kepada dua tahun untuk menyelaras operasi dan pengurusan ASA.

Mekanisme Swap di bawah ASA
Bantuan kewangan di bawah ASA melibatkan penjualan *spot* mata wang ahli, bersama pembelian semula hadapan *(forward repurchase)* mata wang tersebut dengan dolar AS, yen Jepun atau Euro. Permintaan ahli untuk swap mata wang tempatan dengan dolar AS, yen Jepun atau Euro dibenarkan sebanyak dua kali ganda jumlah sumbangan ahli tersebut kepada ASA dan untuk jangka masa tidak melebihi enam bulan. Selaras dengan peranannya sebagai kemudahan pembayaran cepat, permintaan swap ahli untuk bantuan sementara mudah tunai atau imbangan pembayaran akan disahkan melalui Bank Ejen yang akan memaklumkan dan berbincang dengan ahli lain untuk menilai dan memproses permintaan tersebut (secepat mungkin). Adalah dijangkakan bahawa pembayaran boleh dibuat dalam masa tujuh hari bekerja.

ASA yang diperbesarkan ini merupakan satu langkah ke hadapan yang penting dalam meningkatkan kerjasama kewangan antara negara-negara ASEAN. ASA juga akan memainkan peranan penting dalam usaha untuk membangun dan memperkuatkan mekanisme bantuan dan sokongan kendiri, termasuk Inisiatif Chiang Mai.

Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan ASEAN dan ASEAN+3 Pada Tahun 2000

I. AFMM Ke-4, 25-26 Mac, Brunei Darussalam
II. AFMM Khas Ke-2, 25 September, Prague, Republik Czech
III. AFMM+3 yang Pertama, 6 Mei, Chiang Mai, Negeri Thai
IV. AFMM+3 Ke-2, 25 September, Prague, Republik Czech

Isu-isu yang Dibincangkan

- Pemantauan Antara Anggota: Para Menteri mengalu-alukan pemulihan ekonomi negara ahli yang memberangsangkan dan bersetuju untuk mempertingkatkan perbincangan mengenai dasar dan aktiviti kerjasama serantau dalam pengawasan aliran modal, mekanisme bantuan dan sokongan kendiri dan penyusunan semula kewangan antarabangsa.

- Kerjasama Kewangan ASEAN: Para Menteri mengambil perhatian kemajuan yang dicapai dalam pelbagai aktiviti kerjasama kewangan serantau untuk mengekalkan pemulihan ekonomi, termasuk pembangunan pasaran modal.

- Kerjasama Kewangan Asia Timur: Para Menteri mengambil maklum kemajuan dalam kajian semula Peraturan Swap ASEAN dan Perjanjian Swap Dua Hala yang dicadangkan di bawah Inisiatif Chiang Mai. Para Menteri meminta kajian lebih lanjut dijalankan ke atas lain-lain peraturan kewangan serantau yang sesuai bagi negara-negara ASEAN+3 yang boleh memberi sokongan yang cukup dan bertepatan bagi menjamin kestabilan kewangan serantau.

- Pemantauan Aliran Modal: Para Menteri mengambil maklum perkembangan kerjasama dalam pemantauan aliran modal di ASEAN+3, khususnya, perjumpaan pakar-pakar di Bengkel Pengawasan Aliran Modal ASEAN+3 pada April 2000. Tambahan lagi, adalah dipersetujui supaya ASEAN+3 menggunakan rangka kerja yang sedia ada untuk memudahkan pertukaran maklumat berkenaan aliran modal. Para Menteri juga bersetuju untuk mewujudkan satu rangkaian pegawai yang boleh dihubungi *(contact persons)* bagi membantu pemantauan serantau di Asia Timur untuk meningkatkan keberkesanan ulasan ekonomi dan perbincangan dasar.

- Struktur Kewangan Antarabangsa: Para Menteri mengambil maklum perkembangan di G-7, G-20 dan FSF pada tahun 2000.

Peraturan Swap ASEAN yang dibesarkan telah berkuat kuasa pada 17 November 2000, dengan BNM sebagai Bank Ejen untuk menyelaras operasi dan pengurusan ASA (Butir terperinci dalam rencana Peraturan Swap ASEAN).

Peraturan Swap dan Perjanjian Beli-Balik Dua Hala ASEAN+3 (BSA) terdiri daripada rangkaian perjanjian swap dan beli-balik dua hala antara negara ASEAN dan negara-negara +3. Satu Kumpulan Kerja Mesyuarat Para Timbalan Menteri Kewangan dan Bank Pusat ASEAN+3 (AFDM+3) yang terdiri daripada pegawai kanan kementerian kewangan dan bank pusat telah ditubuhkan untuk mengkaji bentuk dan ciri-ciri operasi BSA yang dicadangkan. Kumpulan Kerja tersebut telah bertemu sebanyak dua kali pada tahun 2000, di Bangkok, Negeri Thai pada 22 Oktober, dan di Beijing, Republik Rakyat China pada 6-7 November.

SEACEN

Di sepanjang tahun 2000, BNM terus memberi sokongan kepada aktiviti Pusat Penyelidikan dan Latihan SEACEN *(South-East Asian Central Banks)*, terutamanya usaha SEACEN untuk meningkatkan peranannya sebagai pusat yang ulung dalam bidang penyelidikan dan latihan yang berkaitan dengan tugas-tugas bank pusat dan penyeliaan kewangan. Sehubungan dengan ini, beberapa aktiviti SEACEN telah dianjurkan di Kuala Lumpur, termasuklah Persidangan Tahunan Para Gabenor SEACEN yang telah diadakan pada bulan Januari 2000 dan program-program latihan berkembar di antara Pusat SEACEN dengan berbagai organisasi

Program-program SEACEN yang dianjurkan oleh BNM Pada Tahun 2000-2001

Persidangan/Mesyuarat
- Persidangan Tahunan Para Gabenor SEACEN yang ke-35 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Para Gabenor SEACEN yang ke-19, pada 27-28 Januari 2000

Kursus Latihan
- Kursus SEACEN-IMF mengenai Penyesuaian Ekonomi Makro dan Isu-isu Sektor Kewangan, 30 Oktober -10 November 2000

Seminar
- Seminar Kepimpinan anjuran bersama SEACEN–Toronto Centre bagi Pengurusan Kanan Bank-bank Pusat, 24 Jun 2000
- Kesan Perbankan Elektronik dan E-Dagang ke atas Fungsi-fungsi Bank Pusat, 9-11 Januari 2001

pelbagai-hubungan dan institusi-institusi serantau.

Dalam meluaskan program-program berkembarnya, Pusat SEACEN telah mengadakan kerjasama strategik dengan beberapa organisasi, di antaranya IMF, Bank Dunia, BIS dan Toronto Center. Bagi meluaskan lagi perkongsian pengalaman dan kepakaran di antara gabungan bank pusat, aktiviti latihan di Pusat latihan SEACEN terus mendapatkan sumber-sumber daripada ahli bank-bank pusat dan pihak berkuasa kewangan serta daripada bank pusat lain seperti Sistem Rizab Persekutuan AS dan Bank of England. Dalam usaha untuk meneruskan program latihan berkembar dengan institusi kewangan antarabangsa dan serantau, aktiviti latihan di Pusat latihan SEACEN telah memberi penekanan kepada kemahiran sebenar dan latihan kerja praktikal sebagai sebahagian daripada usaha Pusat tersebut untuk menyediakan latihan yang berkualiti.

SEACEN juga telah memulakan tugas berkaitan Projek Kajian Semula Strategik yang akan menentukan hala tuju masa hadapan Pusat tersebut dan mencari jalan untuk memenuhi keperluan ahli-ahlinya dengan lebih berkesan. Projek tersebut akan mengenal pasti langkah-langkah perubahan dan rangkaian aktiviti yang akan menaikkan status SEACEN sebagai institut penyelidikan dan latihan untuk bank pusat yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Projek tersebut dibiayai oleh Program Bantuan Teknikal Jepun di bawah naungan IMF dan dijangka siap selewat-lewatnya pada bulan Jun 2001.

Satu perkembangan yang penting pada tahun 2000 ialah peningkatan program berkembar di antara SEACEN dengan BIS serta institusi dan forum antarabangsa yang lain. Sebagai salah satu program SEACEN bagi meningkatkan lagi kerjasama di kalangan bank pusat dan pihak berkuasa kewangan, satu kumpulan pakar aliran modal telah ditubuhkan pada tahun 2000. Penubuhan Kumpulan Pakar SEACEN Bagi Aliran Modal (SEG) adalah hasil daripada cadangan Gabenor-gabenor SEACEN supaya Pusat SEACEN memainkan peranan yang lebih berkesan dalam mempromosikan kerjasama kewangan serantau. Pesertanya terdiri daripada ahli-ahli SEACEN, *Reserve Bank of Australia* dan Pihak Berkuasa Kewangan Hong Kong, sementara sokongan teknikal disediakan oleh Pusat SEACEN. Objektif SEG adalah untuk membentuk rangka kerja serantau bagi mempromosikan perkongsian maklumat dalam aliran modal. SEG juga bertujuan untuk membentuk cadangan yang praktikal dan konkrit yang boleh dilaksanakan oleh para ahli sama ada secara bersendirian atau bersama bagi mempertingkatkan pengurusan aliran modal.

SEG telah bermesyuarat sebanyak dua kali pada 29 Mei di Kuala Lumpur dan pada 6 September di Ulaanbaatar, Mongolia. Kerja-kerja di peringkat awal termasuklah merangka reka bentuk templat data bersama dan mewujudkan satu senarai pegawai yang boleh dihubungi bagi melancarkan pertukaran maklumat berkaitan aliran modal sesama ahli-ahli SEG. SEG juga membincangkan isu dan arah aliran, termasuk faktor-faktor yang

Mesyuarat-mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) Pada Tahun 2000

I. Mesyuarat Timbalan Kewangan dan Bank Pusat APEC
   - 16–19 April, Washington D.C., Amerika Syarikat
   - 9–10 September, Brunei Darussalam

II. Sidang Kemuncak Tidak Formal Ketua-ketua dan Menteri-menteri Kewangan APEC
   - 12–16 November, Brunei Darussalam

Isu-isu yang Dibincangkan

- Pengurusan Globalisasi: Sejajar dengan pengiktirafan bahawa globalisasi meningkatkan pendedahan negara-negara terhadap kejutan luaran dan ketidak-teraturan sosial, APEC mengulangi keperluan terhadap institusi yang berkembang pesat dan masyarakat yang terlatih untuk memastikan agar peluang-peluang globalisasi diterokai sepenuhnya. Penekanan seterusnya ialah pengurusan yang lebih cekap terhadap kesan-kesan negatif globalisasi, terutamanya penyediaan taraf hidup dan keperluan sosial yang lebih tinggi kepada masyarakat. Terdapat juga penekanan untuk menangani jurang perbezaan di antara yang kaya dengan yang miskin dan pengetahuan melalui program-program kerjasama ekonomi dan teknikal untuk membantu ahli-ahli meningkatkan keupayaan yang diperlukan.

- Membentuk Sistem Kewangan Global yang Lebih Kukuh: APEC mengalu-alukankan usaha antarabangsa untuk mengurangkan kejutan kewangan melalui pemantauan antarabangsa, mengukuhkan rangka kerja pengawalan dan penyeliaan serta melibatkan pihak pemiutang swasta dengan sewajarnya dalam penyelesaian krisis. Satu perakuan juga dicapai mengenai perlunya penyusunan semula institusi-institusi kewangan antarabangsa termasuk penyemakan semula kuota IMF untuk mencerminkan perkembangan dalam ekonomi dunia.

  Peraturan kewangan serantau yang lain telah juga diiktiraf sebagai berkemampuan secara berkesan untuk mengelak dan menyelesaikan krisis, jika digabungkan bersama sumber-sumber yang disediakan oleh pelbagai institusi-institusi kewangan antarabangsa.

- Membina Asas yang Kukuh: Objektif jangka panjang APEC ialah untuk membina asas yang kukuh bagi pertumbuhan yang mapan di rantau ini dengan membangunkan pasaran kewangan dan modal. Bagi memenuhi objektif tersebut, APEC telah membentuk beberapa inisiatif untuk mengukuhkan usaha pembinaan keupayaan APEC. Malaysia telah mengambil bahagian dalam tiga inisiatif: Pelan Tindakan Sukarela (VAP); Inisiatif Pengurusan Kegagalan Bank; dan Inisiatif Latihan Pengawal-pengawal Kewangan.

mempengaruhi aliran masuk dan keluar modal bagi negara ahli secara individu, masalah memperoleh data terutamanya yang berkaitan dengan aliran sektor swasta dan masalah dalam membezakan di antara aliran yang berkaitan dengan perdagangan dan aliran yang tiada kaitan dengan perdagangan. Inisiatif SEG dipengerusikan bersama oleh BNM dan Bangko Sentral ng Pilipinas.

Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC)

Di sepanjang tahun 2000, kerjasama APEC dalam sektor kewangan tertumpu kepada cabaran-cabaran untuk menguruskan globalisasi dengan lebih baik. Sejajar dengan ini, Menteri-menteri Kewangan APEC bersetuju untuk mempertingkatkan kerjasama teknikal bagi membantu ahli-ahli dalam pembinaan kapasiti. Bagi memenuhi objektif jangka panjang APEC untuk membantu ahli-ahli mengukuhkan asas-asas bagi pertumbuhan yang mapan di rantau ini, beberapa inisiatif telah dilancarkan untuk meningkatkan pembangunan pasaran kewangan dan modal.

BNM merupakan ahli kumpulan utama dalam **Pelan Tindakan Sukarela (VAP)** untuk Menyokong Aliran Modal Yang Lebih Bebas dan Stabil di rantau APEC. Tujuan VAP ialah untuk

meningkatkan kefahaman ahli-ahli mengenai manfaat dan risiko berkaitan aliran modal merentasi sempadan selain menumpukan perhatian kepada pembangunan dan perlaksanaan dasar untuk memaksimumkan manfaat dan meminimumkan risiko. BNM membentangkan pengalaman Malaysia dalam menangani aliran modal dan dasar yang diambil untuk mengukuhkan masalah kewangan domestik. Pengalaman terkini telah menunjukkan kesukaran ekonomi yang berpunca daripada anjakan radikal dalam aliran modal merentasi sempadan kerana ketiadaan pengawalseliaan antarabangsa terhadap aliran modal. Oleh sebab itu, pendekatan Malaysia menekankan bahawa negara-negara memerlukan fleksibiliti dalam melaksanakan mekanisme yang sesuai di peringkat negara mereka untuk membendung ketidaktentuan yang keterlaluan dalam pergerakan modal antara sempadan. Oleh kerana keadaan kewangan antarabangsa pada masa kini telah menyebabkan kemeruapan pasaran kewangan yang lebih tinggi dan ketidaktentuan ekonomi, pengalaman Malaysia telah menunjukkan bahawa langkah-langkah yang dibentuk dengan teliti dan terpilih bersama dasar ekonomi makro yang pragmatik boleh menyumbang kepada kestabilan.

Di bahagian dialog dasar dalam laporan VAP, BNM telah menyokong perlaksanaan kod dan piawaian kewangan antarabangsa yang utama bagi menggalakkan pasaran kewangan utuh, cekap dan stabil di rantau ini. Walau bagaimanapun, BNM terus menekankan bahawa perhatian juga harus diberikan kepada kebimbangan dan kekangan yang dihadapi oleh negara-negara ekonomi baru muncul termasuk Malaysia, untuk mematuhi kod dan piawaian yang semakin bertambah.

BNM juga merupakan ahli kumpulan utama dalam inisiatif terkini APEC iaitu **Pengurusan Kegagalan Bank.** Inisiatif ini bertujuan untuk mengkaji dan memperoleh pengajaran daripada pengalaman ekonomi-ekonomi dalam menangani masalah sektor kewangan. Sementara itu, semenjak tahun 1998, di bawah **Inisiatif Latihan Pengawal Kewangan**, APEC bersama Pusat SEACEN dan Bank Pembangunan Asia telah melaksanakan seminar latihan kepada pengawal sektor kewangan, penyelia perbankan serta pengawal industri sekuriti untuk memperbaiki latihan domestik serta meningkatkan kerjasama antarabangsa dalam program latihan tersebut. Di bawah Tahap II inisiatif tersebut, BNM telah terlibat secara aktif dalam Kumpulan Penasihat Penyelia-penyelia Bank APEC dan menyumbangkan bantuan teknikal dan logistik untuk kursus-kursus dan forum-forum serantau, terutamanya mesyuarat tahunan Persidangan Pengarah Penyeliaan SEACEN/APEC.

Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM)

BNM terus menerima bantuan teknikal daripada ASEM melalui **Tabung Amanah ASEM** bagi dua buah projek. Projek Sistem Amaran Awal akan meningkatkan kemampuan untuk memantau institusi-institusi kewangan, sementara projek kedua akan memberi tumpuan kepada isu-isu berkaitan perlindungan pencarum. Proses perlaksanaan bantuan teknikal bermula pada bulan Ogos 1999 dan bantuan teknikal untuk membantu kerja-kerja berkaitan dengan sistem amaran awal sedang dilaksanakan. Bagi skim insurans deposit pula, BNM telah menganjurkan seminar pada 19 Januari 2000 untuk membincangkan pelbagai pilihan skim tersebut.

EMEAP

BNM kekal aktif dalam kegiatan **EMEAP** kerana ia merupakan satu forum penting untuk kerjasama monetari dan kewangan di kalangan bank pusat di rantau Asia Timur dan Pasifik. Para Timbalan EMEAP bermesyuarat sebanyak dua kali pada tahun 2000 (18 Mac di Hong Kong dan 27 Oktober di Bangkok), manakala mesyuarat para Gabenor telah diadakan di Seoul pada 7 Julai 2000.

Inisiatif baru di bawah proses EMEAP termasuklah pelancaran Mesyuarat Penyeliaan Pasaran Tukaran Asing Serantau pada tahun 2000. Ia bertujuan untuk menyediakan peluang bagi pegawai-pegawai yang berkenaan daripada bank-bank pusat yang menganggotai EMEAP berinteraksi dan bertukar-tukar pandangan dengan pegawai-pegawai institusi lain seperti *Federal Reserve Bank* AS dan BIS, selain sesama sendiri.

Dalam menyumbang kepada usaha-usaha meningkatkan kefahaman mengenai isu-isu kadar pertukaran, BNM telah mengambil bahagian dalam tiga penyelidikan bersama EMEAP pada tahun 2000. Penyelidikan ini adalah mengenai Pengalaman dan Isu-isu Praktikal Mengenai Operasi Pertukaran Asing; Penilaian Ketidakjajaran Kadar Pertukaran Asing;

Mesyuarat–mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) Pada Tahun 2000-2001

I. Sidang Kemuncak Pemimpin-pemimpin ASEM ke-3, 19-21 Oktober 2000, Seoul, Korea
II. Mesyuarat Timbalan-timbalan Kewangan ASEM, 15 Disember 2000, Tokyo, Jepun
III. Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan ASEM ke-3, 13-14 Januari 2001, Kobe, Jepun

Isu-isu yang Dibincangkan:

- Mengambil maklum perkembangan Inisiatif Chiang Mai dalam mengukuhkan kerjasama kewangan Asia, dan usaha negara-negara ASEAN+3 untuk mengukuhkan dialog dasar serantau dan meningkatkan pemantauan serantau.

- Mengambil maklum bahawa tiada satu rejim kadar pertukaran yang sesuai bagi semua negara dalam semua keadaan. Bagi menentukan rejim kadar pertukaran yang bersesuaian, sesebuah negara boleh membuat pilihan daripada berbagai rejim kadar pertukaran, bergantung kepada keadaan tertentu negara tersebut.

- Menyokong usaha-usaha antarabangsa untuk menangani aktiviti-aktiviti pengubahan wang haram *(money laundering)* melalui Inisiatif Anti Pengubahan Wang Haram ASEM.

- Mengalu-alukan bantuan teknikal melalui inisiatif-inisiatif ASEM seperti Tabung Amanah ASEM dan Rangkaian Pakar Kewangan Eropah (EFEX) untuk mengukuhkan sistem kewangan. Tabung Amanah ASEM II akan dilancarkan bagi menggalakkan dialog di antara pengubal-pengubal dasar dari Asia dan Eropah.

- Memperakukan "Projek Penyelidikan Kobe" untuk membantu kerjasama penyelidikan serantau dan mengkaji aktiviti-aktiviti dalam isu-isu yang berkaitan di kalangan ahli-ahlinya.

serta Akaun Modal dan Kadar Pertukaran dalam Rumusan Keputusan Dasar Kewangan.

Pada tahun 2000, BNM telah juga mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti tiga kumpulan kerja EMEAP. Ini termasuklah Kumpulan Kerja mengenai Penyeliaan Perbankan yang melibatkan penilaian setiap anggota terhadap pematuhan kepada Enam Nota Panduan Kumpulan Kerja ini dalam menangani pinjaman bermasalah. BNM telah menghuraikan pengalamannya berhubung usaha ke arah pendekatan pengawalan berdasarkan risiko, ujian tekanan serta Peraturan Minimum mengenai Pengurusan Risiko Kredit.

Kerja yang berkaitan isu-isu operasi dalam menguruskan aliran modal adalah salah satu daripada projek di bawah Kumpulan Kerja mengenai Pasaran Kewangan. Dalam Kumpulan Kerja mengenai Sistem Pembayaran dan Penjelasan, BNM mengambil bahagian dalam kajian untuk menilai risiko penjelasan pertukaran asing. Dua tema utama dalam perbincangan EMEAP pada tahun 2000 termasuklah keberkesanan dasar kewangan semasa pemulihan ekonomi Asia dan dasar kewangan dalam era aliran modal yang semakin meningkat.

Kumpulan Rangka Kerja Manila

Kumpulan Rangka Kerja Manila (MFG) yang terdiri daripada pegawai Kementerian Kewangan dan Bank Pusat di peringkat Timbalan bermesyuarat sebanyak dua kali pada tahun 2000 (20-21 Mac 2000, di Hong Kong dan 3-4 Disember 2000 di Bangkok). Sebagaimana di tahun lepas, Kumpulan ini menumpukan perbincangan kepada pemantauan serantau dan isu-isu yang melibatkan sistem kewangan antarabangsa. Mengenai pemantauan serantau, Kumpulan ini mengambil maklum bahawa walaupun Asia mengalami pertumbuhan yang kukuh, penunjuk memperlihatkan tanda-tanda bahawa pertumbuhan akan menjadi semakin perlahan. Risiko yang wujud termasuklah harga minyak yang tinggi, pertumbuhan yang lebih perlahan dalam ekonomi Amerika Syarikat dan sentimen

pasaran kewangan dan modal yang lemah. Kumpulan ini menekankan perlunya lebih banyak kemajuan dalam penstrukturan semula hutang korporat. Kumpulan ini juga membincangkan isu kecukupan rizab antarabangsa dan pilihan strategi pertumbuhan. Dalam hal yang berkaitan dengan sistem kewangan antarabangsa, Kumpulan ini sependapat dengan forum antarabangsa yang lain bahawa pilihan rejim kadar pertukaran perlu ditentukan berdasarkan keadaan negara individu dan disokong oleh ekonomi makro, dasar struktural dan peraturan institusi yang bersesuaian. Kumpulan ini juga membincangkan kemajuan dalam semakan semula kemudahan kewangan IMF.

Kerjasama Dua Hala

Peraturan Pembayaran Dua Hala (BPA)

Pada tahun 2000, BNM terus meningkatkan usaha mempromosikan Peraturan Pembayaran Dua Hala (BPA) sebagai sebahagian daripada usaha Malaysia untuk mempertingkatkan perdagangan dengan Negara Selatan- Selatan serta mengeratkan lagi kerjasama dengan bank-bank pusat yang lain. Usaha tersebut adalah sejajar dengan dasar Kerajaan untuk mempelbagaikan pasaran eksport Malaysia ke destinasi-destinasi bukan tradisional.

Mengikut definisi, BPA ialah sistem penjelasan monetari yang wujud hasil daripada perdagangan antara dua buah negara. Kaedah ini menukarkan risiko perniagaan yang berkaitan dengan perdagangan kepada risiko berdaulat di mana bank pusat kedua-dua negara akan menjamin pembayaran dalam mata wang tempatan kepada pengeksport masing-masing. Oleh yang demikian, BPA memudahkan pertumbuhan perdagangan antara kedua-dua pihak walaupun terdapat kekangan rizab pertukaran asing. Semenjak ia diperkenalkan, BPA telah terbukti sebagai pemangkin yang penting dalam memajukan perdagangan dengan Negara Selatan-Selatan. Sebelum ini, perdagangan dengan negara-negara berkenaan telah terhalang bukan sahaja disebabkan oleh pertukaran asing yang terhad tetapi juga kesukaran untuk memperoleh maklumat perdagangan serta kurangnya kerjasama perbankan dan hubungan perniagaan.

Semenjak ianya dimulakan pada tahun 1987, sebanyak 31 perjanjian BPA telah ditandatangani oleh BNM. BPA telah berjaya menyumbang kepada peningkatan yang sangat ketara dalam perdagangan Malaysia dengan pasaran bukan tradisional, iaitu kepada RM26.7 bilion pada tahun 2000 daripada RM2.4 bilion pada tahun 1987. Walaupun secara relatifnya perdagangan melalui kaedah ini adalah kecil jika dibandingkan dengan keseluruhan jumlah perdagangan Malaysia, BPA ternyata telah memainkan peranannya sebagai pemangkin kepada pertumbuhan perdagangan. Pengalaman telah menunjukkan bahawa perdagangan di bawah BPA ini akan meningkat pada peringkat permulaan.

Seterusnya apabila pedagang telah mula mengenali rakan dagangannya, mereka lebih cenderung untuk bertukar kepada kaedah perdagangan dan perbankan biasa (yang telah menjadi semakin kukuh). Sehubungan itu, perdagangan melalui BPA akan mulai berkurangan. Kejayaan BPA juga dapat dilihat pada peningkatan yang ketara dalam jumlah hubungan perbankan yang telah dijalinkan di bawah BPA (287 semenjak tahun 1987).

Bantuan Teknikal dan Pertukaran Maklumat BNM

Sebagai sebahagian daripada program luaran Bank, BNM terus menyediakan bantuan teknikal kepada institusi awam dan sektor swasta asing dalam tahun 2000. Bantuan ini adalah dalam

Bantuan teknikal di antara bank-bank pusat asing menerusi program lawatan kerja tertumpu kepada bidang penyeliaan perbankan, sistem pembayaran, isu-isu penstrukturan semula dan pengumpulan data. Malaysia juga telah secara aktif mempromosikan Peraturan Pembayaran Dua Hala untuk menggalakkan perdagangan dengan Negara Selatan-Selatan dan mempelbagaikan pasaran eksport Malaysia.

bentuk program latihan, lawatan sambil belajar dan taklimat mengenai beberapa aspek bank pusat di Malaysia.

Selaras dengan dasar Bank untuk menggalakkan kerjasama di kalangan bank pusat, BNM menawarkan 10 tempat dalam Kursus Perbankan Pusat (CBC) BNM kepada peserta luar negara di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia pada tahun 2000. CBC adalah program latihan tiga minggu yang intensif dan meliputi aspek praktikal isu-isu kewangan dan monetari. Peserta-peserta luar negara pada tahun 2000 adalah dari bank-bank pusat Bosnia dan Herzegovina, Botswana, Kemboja, Guinea, Indonesia, India, Iran, Iraq, Republik Kyrgyz dan Sudan.

Pada tahun 2000, Bank menerima 37 delegasi asing untuk tujuan lawatan sambil belajar dan program lawatan kerja. Delegasi ini adalah dari Albania, Bahrain, Bhutan, Brunei Darussalam, Republik Czech, Cuba, India, Indonesia, Iran, Kazakhstan, Malawi, Mesir, Mongolia, Nigeria, Republik Rakyat China, Republik Uganda, Sri Lanka, Turkmenistan, Negeri Thai, Uzbekistan, Vietnam dan Zimbabwe. Bagi memenuhi beberapa permintaan tertentu, BNM telah melibatkan diri dalam kumpulan kajian mengenai pengalaman Malaysia dalam beberapa aspek perbankan pusat, termasuk penyeliaan bank, pengawalan bank, ekonomi, kawalan pertukaran asing, pelaburan dan operasi perbendaharaan, dasar monetari dan kewangan, pengurusan dan operasi mata wang serta perbankan Islam. BNM juga menerima kunjungan pelawat dari Australia, Austria, Finland, Perancis, Hong Kong SAR, Jepun, Parlimen Eropah, Republik Rakyat China, Singapura, Switzerland dan United Kingdom. Pertemuan yang diadakan memberi peluang bagi perbincangan mengenai perkembangan ekonomi dan sistem kewangan Malaysia serta inisiatif dasar yang telah diambil.